

Gengsterisme di Sekolah: Masalah Berangkai yang Belum Terungkai


Pembentukan peribadi anak-anak lebih dibentuk oleh input-input yang diperolehnya dalam "sistem" pendidikan di rumah. Maksudnya, ibu bapa memainkan peranan yang lebih dominan berbanding guru dalam mencorakkan peribadi anak-anak. Rumah adalah "sekolah" yang utama dan pertama.

Oleh PAHROL MOHAMAD JUOI

APABILA pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh yang terkenal seperti STAR dan MCKK terlibat dalam perlakuan ganas, semua pihak mula buka mata. Kalau dulu ada di kalangan para pendidik berpendapat bahawa pelajar-pelajar ganas terdiri daripada mereka yang lemah dalam pencapaian akademik, kini terbukti anggapan itu sudah tidak tepat lagi. Lalu apakah yang tidak kena dengan pelajar-pelajar yang bijak ini? Mengapa mereka menjadi ganas? Sedangkan pelajar-pelajar terpilih ini telah menikmati segala kemudahan dan kelengkapan bertaraf kelas satu. Mereka mendapat semua yang "terpilih" - dari diri mereka sendiri, sekolah, biasiswa hinggalah kepada guru-guru. Tetapi mengapa mereka terus memilih yang "terburuk"?

Dan lebih membimbangkan lagi apabila difikirkan bagaimana pula keadaannya di sekolah-sekolah biasa? Yang mana para pelajar, guru dan sekolahnya tentulah berada di tahap yang lebih rendah? Maka ada kemungkinan apa yang berlaku di sekolah-sekolah biasa adalah lebih buruk lagi (walaupun "terlepas" daripada liputan media massa). Mungkinkah apa yang tidak diberitakan lebih banyak lagi?

Ya, kebimbangan ini berasas justeru bukan rahsia lagi ada guru besar dan pengetua-pengetua sekolah terbabit bertindak menyembunyikan "peristiwa hitam" itu kononnya demi menjaga nama baik sekolah (atau nama baik mereka?).



Masalah Bertambah Parah

Para pelajar yang terlibat mungkin dihukum, didenda atau dibuang sekolah. Ini tentunya menambahkan lagi masalah yang sedia ada. Diri mereka akan dilabel dengan nama yang buruk. Maruah mereka jatuh. Dan akhirnya tentulah harga diri menjadi rendah. Silap gaya, mereka akan terus hilang keyakinan dan semangat untuk menjadi insan yang baik dan berguna. Lalu pada masa akan datang masalah akan bertambah parah. Jiwa berontak dan ganas yang telah berakar umbi itu lama kelamaan akan bertambah subur dan akhirnya mereka dewasa sebagai individu yang ganas.

Semakin dewasa tahap keganasannya semakin bertambah. Kemungkinan besar mereka nantinya akan menjadi suami atau isteri yang mendera anak-anak. Kalau jadi majikan, majikan yang suka menindas dan menzalimi pekerja. Di peringkat yang lebih luas lagi, negara juga akan turut terjejas. Ini kerana pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Jika "harapan" sudah punah, jika "tiang" sudah rebah, maka di manakah lagi sandaran kita pada masa akan datang.

Bendung Secara Berterusan

Semua pihak perlu beringat bahawa gengsterisme perlu dibendung secara berterusan, serius dan berkesan. Masalah yang pernah menggegarkan masyarakat pada awal tahun 2000 yang lalu ini sepatutnya sudah lama diatasi. Malangnya, kerana usaha membendungnya hanya bersifat "bermusim" maka pada tahun 2003 masalah ini seolah-olah timbul kembali. Pada hal hakikatnya masalah ini tidak pernah tenggelam. Cuma ia seolah-olah "bermusim" (hanya apabila ada kes-kes besar tertera di dada akhbar), tetapi sebenarnya ia adalah masalah besar yang telah, sedang dan akan terus berlaku jika tidak diselesaikan secara tuntas dan berterusan.

Untuk menyelesaikan masalah kita terlebih dahulu mesti mengenal-pasti dahulu apakah sebenarnya masalah itu. Umpama mengubat penyakit, kita mesti terlebih dahulu tahu apakah jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Jangan sakit kulit disangka demam atau sakit jantung disangka kencing manis. Maka samalah halnya dengan masalah gengsterisme di kalangan pelajar. Perlu dikenal pasti apakah ia masalah sosial atau masalah pendidikan? Ya, sekali pandang masalah gengsterisme seolah-olah masalah sosial, tetapi jika diamat-amati secara lebih mendalam ia sebenarnya adalah masalah pendidikan.

Sistem Pendidikan yang Gagal?

Maksudnya, daripada proses pendidikan yang tidak selesailah yang mengakibatkan berlakunya masalah gengsterisme di sekolah-sekolah. Tegasnya, perlakuan-perlakuan negatif adalah berpunca daripada sistem pendidikan yang gagal mencorak akhlak dan peribadi pelajar. Lalu kita bertanya apa yang tidak kena dengan sistem pendidikan kita? Kita perlu misalnya bermuhasabah, bagaimana keberkesanan dan kecekapan proses pendidikan di sekolah-sekolah?

Pada masa ini kuasa guru dalam mendidik pelajar agak terhad. Ada pengetua yang terpaksa "mengalah" kepada segelintir ibu-bapa yang "besar kepala" dalam mendidik pelajar-pelajar yang juga "besar kepala" seperti mana ibu bapa mereka. Sehubungan dengan ini, pendedahan oleh Datuk Aziz Shamsuddin baru-baru ini ada kebenarannya. Tambahan pula



guru tidak mempunyai waktu yang panjang untuk mengawal gerak-geri pelajar justeru dibebani oleh tugas lain. Tambahan pula kecenderungan sekolah menekankan kecemerlangan prestasi akademik berbanding prestasi akhlak kadang kala sudah ke tahap yang "terlampau". Manakala subjek agama dan pendidikan moral pula hanya sekadar merentasi kurikulum dan memenuhi sukatan pelajaran semata-mata.

Peranan Ibu bapa

Namun, ini bukan alasan untuk menyalahkan keberkesanan sistem pendidikan di sekolah semata-mata. Ini kerana pembentukan peribadi anak-anak lebih dibentuk oleh input-input yang diperolehnya dalam "sistem" pendidikan di rumah. Maksudnya, ibu bapa memainkan peranan yang lebih dominan berbanding guru dalam mencorakkan peribadi anak-anak. Rumah adalah "sekolah" yang utama dan pertama. Manakala ibubapa adalah guru yang paling berpengaruh dalam hidup anak-anak. Selain pengaruh faktor genetik, anak-anak juga lebih mudah meniru, dipengaruhi dan dibayangi oleh perlakuan ibu bapa mereka. Bagaimana "borek" ibu bapa di rumah, begitulah "rintik" anak di sekolah dan masyarakatnya.

Selepas "dididik" oleh ibu bapa di rumah barulah tanggungjawab mendidik anak-anak "berpindah" kepada guru-guru di sekolah. Jika sekiranya terdapat kekurangan dalam pendidikan di rumah, maka guru sekolah hanya dapat menampung "kekurangan-kekurangan" kecil yang berlaku. Tetapi harus diingat, guru sekali-kali tidak akan dapat memainkan peranan yang optimum seperti mana ibu bapa pelajar sendiri.

Banyak faktor yang menyebabkan hal itu berlaku. Antaranya, kasih-sayang ibu bapa kepada anaknya sendiri pastinya tidak dapat ditandingi oleh para guru. Begitu juga jumlah pelajar yang lebih ramai di sekolah, memungkinkan ada pelajar yang terabai. Justeru usahlah dihairankan jika para guru tidak dapat mendidik pelajar-pelajar yang jumlahnya lebih ramai di sekolah jika ibu bapa yang hanya berdepan dengan beberapa orang anak di rumah pun gagal berbuat demikian!

Pengaruh Masyarakat

Selepas di rumah dan di sekolah, gelanggang pendidikan anak-anak melebar ke tengah masyarakat. Itu merupakan "sekolah" yang ketiga dan terbesar bagi seorang pelajar. Maksudnya, apa yang dilihat, didengar dan dialaminya dalam masyarakat juga merupakan input didikan yang boleh mencorak peribadinya. Pada masa ini apa yang dihidangkan oleh masyarakat sama ada menerusi media, budaya dan perlakuan semua anggota akan "mendidik" para pelajar. Apa yang mereka selalu lihat, baca, dengar, tonton, hidu dan sebagainya? Jika pengamal media meletakkan label SG, SX dan PL hanya sekadar "menunaikan" tanggungjawab sosial

bukan dengan tujuan mendidik, maka usahlah hairan sekiranya label SG, SX itu memberi kesan daya tarikan, bukan kesan amaran!

Mengenai hal ini, kadang-kadang kita pun rasa aneh, apakah benar media dan masyarakat bencikan keganasan? Benarkah kita bencikan keganasan sedangkan filem, sukan dan aksi-aksi ganas terus mendapat liputan dan diiklankan secara besar-besaran? Payahnya jika ada yang pihak yang terus berhujah itu sekadar hiburan dan ia tidak memberi kesan kepada jiwa remaja? Bagaimana pakar-pakar psikologi dan pendidikan, benarkah begitu? Jika tidak, bersuaralah! Usah dibiarkan "tokoh" ekonomi, hiburan, politik dan sukan bercakap tentang pendidikan!

Hati yang Kotor

Sebenarnya gengsterisme berpunca daripada kekacauan dalaman. Maksudnya, perbuatan buruk itu berpunca dari hati yang kotor. Ini selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, *dalam hati anak manusia ada seketul daging, jika baik daging itu baiklah seluruh anggota badan, jika jahat hati itu maka jahatlah seluruh anggota badan. Daging itu ialah hati.* Jika hati telah kotor, maka itulah yang menimbulkan perbuatan-perbuatan yang bersifat merosak. Inilah sebenarnya akar gengsterisme.

Apakah sebabnya hati boleh menjadi kotor? Hati kotor kerana dihidangi penyakit-penyakit hati (mazmumah). Antara penyakit-penyakit hati ialah ego, marah, geram, dendam, hasad, cemburu dan lain-lain. Tidak syak lagi, para pelajar yang menjadi ganas apabila hati mereka kotor kerana sudah dijangkiti penyakit. Soalnya sekarang, apa yang menyebabkan remaja ini menjadi ego, pemaarah, pendendam dan hasad? Apakah benar mereka marahkan kawan-kawan sekolah yang menjadi mangsa keganasan mereka? Bagi saya tidak.

Rakan sekolah mereka pada hakikatnya hanya menjadi sasaran melepaskan rasa marah, dendam dan geram para remaja sahaja. Sebenarnya, remaja yang "berpenyakit" ini mungkin terlebih dahulu marahkan ibu bapa, kecewa dengan guru, geram dengan sistem dan peraturan yang dirasakan mengongkong. Tetapi oleh sebab mereka ini gagal mendapat perhatian, belaian dan jawapan secara tepat dan siha maka mereka terdorong menjadi ganas tanpa disedari dan dikehendaki.

Dahagakan Bimbingan

Para pelajar yang terlibat dengan gengsterisme sebenarnya lebih patut dikasihani daripada dimarahi, dihukum atau dibenci. Bukannya alam remaja adalah tahap usia yang paling bergolak? Para remaja itu sebenarnya baru sahaja meninggalkan alam kanak-kanak, tetapi belur pula mencecah tahap dewasa sepenuhnya. Oleh sebab itu mereka berad di satu "transisi" yang sangat mengelirukan. Bukan sahaja orang lain suka



memahami mereka, malah mereka sendiri pun tidak memahami diri mereka sendiri. Kadang-kala mereka ingin bebas, tetapi ada masanya pula mereka sangat dahagakan bimbingan. Mereka baru mendapat "kuasa" dan ingin mencuba kuasa baru itu - kekuatan fizikal, kebijaksanaan fikiran, kehalusan perasaan, kebebasan jiwa!

Dengan segala yang baru, bertenaga dan ghairah mereka mula bertindak. Malangnya, ada yang tersalah. Mereka menjadi ganas. Apakah para remaja yang ganas itu mendapat kepuasan? Mungkin juga, sedikit. Tapi cuma sebentar. Tidak mungkin ada ketenangan mengikut jalan yang salah. Hakikatnya, keganasan adalah satu tindakan penyimpangan. Dari sudut pandangan Islam pula, jika kita melakukan keganasan itu bererti kita melakukan sesuatu yang berdosa. Mengenai dosa, Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan bahawa dosa ialah sesuatu yang meresahkan hati.

Jadi para remaja yang melakukan dosa itu pasti berasa resah. Mereka sebenarnya telah mengalami petanda awal penyakit jiwa.

Oleh sebab sifat kejahatan ini berangkai - ada kesan rantai ("chain reaction") maka jalan penyelesaiannya juga berangkai. Selain kita perlu membetulkan falsafah, pendekatan dan pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah, di rumah dan dalam masyarakat, kita juga perlu mengemaskinikan sistem nilai, prinsip, *mind-set* dan *world view* tenaga penggerak media, budaya, ekonomi dan politik kita. Kita tidak boleh membetulkan satu sudut atau satu dimensi sahaja sedangkan masalah ini berpunca dan bersifat multi-dimensi. Para ibu bapa, guru, pemimpin, artis, ulama, profesional, wartawan dan seluruh anggota masyarakat perlu bertanggungjawab. Tangan yang pernah menabur racun, tangan itu jugalah yang dapat memberi penawarnya! **M**

Jalan Penyelesaian

NAMUN, jalan penyelesaian yang utama terletak di tangan para remaja itu sendiri. Pertama, mereka mesti sedar, bahawa apabila mereka cenderung melakukan tindakan negatif itu adalah petanda awal yang jiwa, akal dan emosi sudah tidak stabil. Gejala-gejala sakit jiwa boleh dikatakan sudah ada. Maksud sakit jiwa di sini bukan mengikut istilah kedokteran tetapi mengikut istilah Islam yakni penyakit mazmumah. Jadi, mereka mesti berhasrat untuk menyembuhkannya. Percayalah, penyakit mazmumah ini lebih bahaya daripada penyakit lahiriah.

Kedua, remaja yang berkenaan perlu mengkaji apakah punca mereka diserang penyakit mazmumah - marah, dendam, hasad dan sebagainya. Cari puncanya. Sudah tentu punca asasi ialah hati itu tidak kuat menanggung cabaran hidup. Hati yang lemah ialah hati yang kurang berhubung dengan Tuhan. Cara menguatkannya ialah hubungkanlah hati itu dengan Allah. Awali dengan langkah-langkah mengenali Tuhan dengan belajar ilmu Tauhid secara dinamik. Setelah kenal Tuhan belajarlal bagaimana hendak berhubung dengan-Nya. Maksudnya, bagaimana hendak mendirikan solat yang berkesan? Insya-Allah apabila hati dan seluruh anggota kita terhubung dengan Allah melalui tauhid dan solat, maka dengan sendirinya hati itu akan menjadi sihat kuat.

Kemudian usahakanlah belajar bagaimana hendak berhubung sesama manusia dengan baik. Belajarlal ilmu komunikasi dan asas akhlak Islam ketika berhubung dengan ibu bapa, guru dan kawan-kawan. Kenali sekurang-kurangnya 10 sifat mazmumah dan cara mengatasinya. Mula-mula secara teori dan kemudian latihlah diri membuangnya secara bersungguh-sungguh. Insya-Allah, nanti

kita akan pandai untuk menguruskan sebarang masalah dalam perhubungan. Ini akan menjadikan kita pandai berbilang, berterusterang dan dengan guru, ibu-bapa dan kawan-kawan.

Akhirnya, alangkah indahnya jika semasa para remaja sibuk melawan hawa nafsu dan bujukan syaitan ini, mereka mendapat bimbingan, pimpinan dan tunjuk-ajar dari ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat. Marilah sama-sama kita sedari bahawa para remaja yang bermasalah ini sebenarnya sedang mengalami tekanan jiwa sama ada mereka sendiri sedar atau tidak. Justeru, jadilah pendengar yang baik. Dengarlah rintihan hati mereka.

Walaupun mereka tampak ganas di luar, tetapi itu hanyalah bayangan kerapuhan hati dalam menghadapi rintangan dan cabaran hidup. Dan hati-hati yang rapuh itu perlu segera dibawa kepada Tuhan dengan penuh kasih sayang. Ajaklah dengan lisan dan perbuatan. Sudah lama kita saling menyalah antara satu sama lain sedangkan jauh di sudut hati kita sudah menyedari bahawa kita semua sama-sama bersalah.

Cuba kita jawab secara jujur baik kita sebagai guru, pemimpin, ulama, wartawan, profesional, artis, ahli sukan dan lain-lain bukankah kita pada hakikatnya adalah juga ibu bapa yang punya anak-anak remaja?

Hendaknya jangan lagi kita mencari siapa yang bersalah (kerana kita telah tahu siapa) kerana misi yang lebih penting ialah setiap kita mesti membetulkan kesalahan masing-masing. Ingatlah kata pepatah, jika setiap orang menyapu sampah di depan rumah masing-masing, maka akan bersihlah seluruh negara! **M**